

## PARTICIPATING ORGANISATIONS' CIRCULAR

Date: 30 December 2021

No: G 37 of 2021

### STAMP DUTY ON CONTRACT NOTE

Please find attached the Media Release from the Ministry of Finance Malaysia dated today for your reference.

In furtherance to the information in the above media release, please take note of the following as stated in Clause 44 of the Finance Bill 2021:

**44.** The First Schedule to the principal Act is amended by substituting for item 31 and the particulars relating to it the following item and particulars:

**“31 CONTRACT NOTE:**

Relating to the sale of any shares, stock or marketable securities in companies incorporated in Malaysia or elsewhere—

- |     |   |          |
|-----|---|----------|
| (a) | For every RM1,000 or fractional part of RM1,000 of the value of any shares or stock       | RM1.50   |
| (b) | For every RM1,000 or fractional part of RM1,000 of the value of any marketable securities | RM1.00”. |

For clarity, stamp duty for category (a), the minimum is RM1.50 with increment of RM1.50 to a maximum of RM1,000<sup>1</sup>. For Category (b), the minimum is RM1.00 with increment of RM1.00 to a maximum of RM200.<sup>2</sup>

For any further enquiries, please contact SMO at **03-20347777** or e-mail [smo@bursamalaysia.com](mailto:smo@bursamalaysia.com).

---

**Director, Market Operations**

<sup>1</sup> the cap is applicable for contract notes relating to the sale of any shares or stock which are listed on a stock market of a stock exchange approved under subsection 8(2) of the Capital Markets and Services Act 2007

<sup>2</sup> the cap is applicable for contract notes relating to the sale of any marketable securities which are listed on a stock market of a stock exchange approved under subsection 8(2) of the Capital Markets and Services Act 2007

**UNTUK SIARAN  
SEGERA**

**30 DISEMBER 2021**



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

- 
- 1. PENAMBAHBAIKAN DASAR LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN LUAR NEGARA (*FOREIGN SOURCE INCOME- FSI*)**
  - 2. PEREMITAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK BAGI DAGANGAN SAHAM TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA**
- 

**1. PENDAPATAN YANG DITERIMA DARI LUAR NEGARA**

Semasa pembentangan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan cadangan langkah untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan pemastautin yang diterima dari luar negara mulai 1 Januari 2022. Ini bermakna semua jenis pendapatan FSI yang diterima oleh pemastautin Malaysia akan tertakluk kepada pengenaan cukai.

Pelaksanaan cadangan layanan cukai tersebut dilaksanakan melalui Rang Undang-Undang Kewangan 2021 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021 dan di Dewan Negara pada 23 Disember 2021.

Kerajaan dengan pihak berkepentingan termasuk industri dan pengamal percukaian telah bersama-sama berbincang mengenai pelaksanaan inisiatif. Justeru, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan langkah cukai ini, Kerajaan telah bersetuju untuk mengecualikan cukai ke atas pendapatan yang diterima dari luar negara kepada pembayar cukai pemastautin berdasarkan kategori dan syarat substantif yang berikut:

<b>Kategori Pembayar Cukai</b>	<b>Jenis Pendapatan yang Dikecualikan Cukai</b>	<b>Syarat Kelayakan</b>
Syarikat/ Perkongsian Liabiliti Terhad	Pendapatan dividen	Tertakluk kepada syarat kelayakan yang akan diperincikan dalam garis panduan Lembaga Hasil Dalam Negeri
Individu	Semua jenis pendapatan	

Pengecualian ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026. Selain daripada jenis pendapatan yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada pengenaan cukai di Malaysia.

Bagi kategori pembayar cukai individu, Kerajaan memberikan pengecualian kepada semua individu kecuali yang menjalankan perniagaan perkongsian (*partnership*) di Malaysia, di mana akan tertakluk kepada cukai bagi pendapatan FSI yang diterima. Manakala bagi kategori bukan pemastautin (individu, syarikat, dan lain) masih kekal layak dikecualikan cukai pendapatan.

Pada masa yang sama, sukacita dimaklumkan bahawa FSI yang diterima dalam tahun taksiran 2022 adalah dikecualikan daripada pengiraan cukai bagi tujuan Cukai Makmur.

## **2. PEREMITAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK BAGI DAGANGAN SAHAM TERSENARAI DI BURSA**

Dalam pengumuman Bajet 2022, Kerajaan juga telah mencadangkan kadar duti setem ke atas nota kontrak bagi dagangan saham/stok tersenarai di Bursa Malaysia dikaji semula supaya ia dinaikkan daripada 0.1 peratus kepada 0.15 peratus iaitu bersamaan dengan RM1.50 bagi setiap RM1,000 dan kenaikan had duti setem RM200 (Ringgit Malaysia Dua Ratus) bagi setiap nota kontrak berkaitan dimansuhkan.

Mengambil kira pandangan dan maklum balas dari pelbagai pihak termasuk industri pasaran saham bagi memastikan pasaran saham di Bursa Malaysia terus kekal rancak dan dinamik, Kerajaan mengambil pendekatan melaksanakan inisiatif ini dengan mengenakan **kadar duti setem 0.15 peratus ke atas nota kontrak bagi dagangan saham/stok dan amaun maksimum duti setem yang dikenakan bagi setiap nota kontrak ini adalah dihadkan sehingga RM1,000.**

Amaun duti setem yang melebihi RM1,000 akan diremitkan dan peremitan ini adalah terpakai kepada semua nota kontrak bagi tempoh mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026 bagi dagangan saham/stok yang disenaraikan di pasaran Bursa Malaysia yang diluluskan di bawah subseksyen 8(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Kerajaan akan sentiasa memastikan layanan cukai kepada pembayar cukai adalah berdasarkan prinsip adil dan saksama selain kekal komited terhadap pematuhan amalan terbaik percukaian di peringkat antarabangsa.

**Kementerian Kewangan  
30 Disember 2021**